

Newspaper	Berita Harian
Date	29/4/2014

# Malaysia boleh: Obama

BH-29/4/2014



**TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, TuanKu Hajah Haminah berkenan bergambar kenangan bersama Obama** pada Majlis Jamuan Negara di Istana Negara, malam tadi. Turut serta Najib dan isteri, Rosmah serta Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

[FOTO BERNAMA]

## » Presiden AS gesa manfaat kepelbagaian etnik untuk maju

■ Kuala Lumpur

**P**residen Amerika Syarikat (AS) Barack Obama berkata, Malaysia boleh mencari kekuatan daripada kepelbagaian etnik dan agama rakyatnya serta harapan yang terlakar dalam sejarah untuk mengukir masa depan yang lebih cerah bagi ge-

nerasi akan datang.

Berucap pada majlis jamuan negara di Istana Negara, malam tadi sempena lawatan negara tiga hari beliau ke Malaysia, Obama berkata walaupun Amerika dan Malaysia adalah dua negara berbeza, namun rakyatnya berkongsi harapan dan hasrat yang sama.

### Kongsi hasrat sama

"Saya percaya, tidak kira sama ada kita berasal dari sebuah kampung terpencil atau bandar raya megah, sama ada kita tinggal di Amerika atau di Malaysia, sebagai manusia, kita berkongsi hasrat

yang sama - untuk hidup dengan bermaruah dan aman.

"(Kita ingin) mencorakkan masa depan kita sendiri, boleh mencari rezeki dan bekerja keras untuk menyara keluarga. Dan paling penting, mewariskan kepada generasi akan datang sesuatu yang lebih baik daripada apa yang ditinggalkan untuk kita," katanya.

Inilah hasrat yang beliau percaya boleh memberi sinar lebih gemilang kepada era baharu dalam perkongsian antara Amerika dan Malaysia, kata Obama pada majlis itu, yang diserikan dengan keberangkatan tiba Yang di-Per-

tuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

### Selit perkataan Melayu

Pemimpin Amerika itu menyelit beberapa perkataan Melayu dalam ucapannya, sesuatu yang disambut baik oleh hadirin seperti yang terpamer daripada tepukan bergemuruh mereka.

Ketika memulakan ucapannya, Obama mengucapkan 'Selamat Peta'ng' dan mengakhirinya dengan ungkapan 'Terima kasih banyak'.

Beliau juga menggunakan perkataan 'bekerjasama' apabila me-

nyentuh mengenai perkongsian antara Amerika dan Malaysia serta 'boleh spirit' bagi merujuk kepada slogan 'Malaysia Boleh'.

Obama mendarat dengan pesawat khas di ibu negara pada kira-kira jam 5 petang untuk melakukan lawatan ke Malaysia sebagai sebahagian daripada siri jelajah beliau ke empat negara Asia, bermula dengan Jepun dan diikuti Korea Selatan. Destinasi terakhir beliau ialah Filipina.

Kunjungan beliau ke sini adalah yang pertama oleh presiden Amerika dalam tempoh 48 tahun, sejak lawatan Presiden Lyndon B Johnson ke Malaysia pada tahun 1966.

Mengimbau kembali lawatan Johnson ke sini, Obama berkata, bekas Presiden Amerika itu menulis dalam memoirnya "Betapa kagumnya beliau tentang kesegaran dan minat luar biasa yang beliau lihat pada wajah rakyat di sini dan di seluruh Asia Tenggara".

"Saya juga begitu ingin melihat semangat 'boleh' yang sama itu esok, apabila saya berpeluang berbicara dengan anak muda dari seluruh Asia Tenggara di Universiti Malaya," kata Obama pada majlis itu, yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Sambil menoleh kepada Najib, beliau berkata: "Tuan Perdana Menteri, saya amat berharap kita boleh bekerjasama dan saya berikrar akan menyuntik semangat sama ke dalam usaha kita.

"Malam ini, saya hanya ingin menyampaikan ucapan terima kasih saya atas kemurahan hati yang anda pamerkan kepada kami hari ini, kemurahan hati yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia kepada keluarga saya sejak pemilihan saya (sebagai presiden)."